

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>PUSAT DA'WAH ISLAMIAH</b>				
1	Proses Pengemaskinian Penapis Bahan-Bahan Terbitan	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan bahan-bahan terbitan yang ditapis mengikut masa TPOR</li> <li>Mengawal penerimaan bahan-bahan terbitan dari pelanggan dengan memperkenalkan sistem giliran (<i>que</i>) dalam melaksanakan tapisan</li> <li>Memberikan perkhidmatan yang bersistematis dan berkualiti</li> </ul>	Borang Slip Edaran ( <i>Routine Slip</i> ) adalah salah satu inisiatif bagi melicinkan tugas menapis dan mengawal serta memantau aktiviti ketepatan dan kepatuhan pegawai dalam melaksanakan penapisan bahan-bahan terbitan agama mengikut TPOR yang telah ditetapkan. Borang slip ini berhasrat dapat meningkatkan kecekapan pegawai di Bahagian penapisan dan pameran, Pusat Da'wah Islamiah dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan. Usaha ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan dalam usaha penambahbaikan yang berterusan dalam memberikan perkhidmatan yang effisien kepada orang awam.
<b>UNIT PERUNDANGAN ISLAM</b>				
2	Jawatankuasa Mensahkan Perundangan Brunei Selaras dengan Kehendak Hukum Syara'	Struktur Organisasi	<p>Selaras dengan misi Unit Perundangan Islam untuk menyesuaikan Undang-Undang Negara ke arah pelaksanaan undang-undang Islam sepenuhnya dengan lebih cekap, titih, lutan, bersistematis dan profesional berdasarkan Hukum Syara', Perlembagaan Negara, Undang-undang dan dasar-dasar kerajaan.</p>	<p>Jawatankuasa Mensahkan Perundangan Brunei Selaras Dengan Kehendak Hukum Syara' ini ditubuhkan pada tahun 2018. Keanggotaan Jawatankuasa terdiri daripada Pengarah, Penolong Pengarah, Pakar Perundangan Islam, Ketua Bahagian Penyesuaian, Ketua Bahagian Penggubalan dan Ketua Bahagian Khidmat Nasihat.</p> <p>Tugas dan tanggungjawab jawatankuasa:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menyemak undang-undang dan kertas laporan yang telah diteliti oleh Bahagian Penyesuaian, Unit Perundangan Islam</li> <li>Memberi cadangan dan menambahbaik undang-undang yang diteliti dan kertas laporan dari Bahagian Penyesuaian, Unit Perundangan Islam</li> <li>Memperakui undang-undang yang tidak bertentang dengan Hukum Syara' untuk dimasukkan di dalam rekod dan data "Undang-undang yang telah diteliti tetapi tidak bertentang dengan hukum syara"</li> </ul> <p>Undang undang yang telah diperakui tidak bertentangan oleh Jawatankuasa akan dihadapkan kepada Majlis Ugama Islam Brunei [sekurang-kurangnya sekali dalam setahun]</p> <p>Bagi undang-undang yang betentangan dengan hukum Syara', Jawatankuasa akan mencadangkan agar ianya masuk kepada Jawatankuasa Mensesuaikan Undang-Undang Dengan Kehendak Ugamma Islam untuk ditunduki dan dicadangkan pindaan sebelum cadangan pindaan dihadapkan ke Majlis Ugama Islam Brunei.</p>
<b>JABATAN HAL EHWAL SYARIAH</b>				
3	Program Peningkatan Kesedaran Halal	Pelakuan Organisasi	Mendedahkan pengetahuan asas dalam pengurusan dan penjagaan makanan halal mahupun produk bukan makanan seperti kosmetik, sebagai satu persediaan awal bagi orang ramai yang mungkin mempunyai hasrat untuk berkecimpung dalam dunia	Program Peningkatan Kesedaran Mengenai Halal ini merupakan satu inisiatif yang dirancang bagi meningkatkan kesedaran serta kefahaman orang ramai dalam setiap lapisan masyarakat mengenai persediaan yang signifikan dalam penyeliaan halal. Ini termasuk

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			<p>keusahawanan terutama yang berkaitan dengan penyediaan makanan dan pengeluaran produk. Peserta juga boleh mempraktikkan prinsip tersebut bermula dari rumah sebagai langkah inisiatif untuk menjaga kesucian dan kehalalan sumber makanan dan produk makanan untuk seisi keluarga.</p>	<p>pentingnya halal bukan sahaja dalam permakanan bahkan pada setiap produk bukan makanan seperti barang gunaan dalam hidup seharian, dan tidak terhad kepada orang Islam bahkan sesuai juga dipraktikkan oleh masyarakat bukan Islam.</p> <p>Penerangan yang seumpama dengan program ini telah lama diungkayahkan oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH), Jabatan Hal Ehwal Syariah melalui taklimat yang dipohonkan secara sukarela atau dijemput oleh mana-mana agensi, syarikat atau sekolah berkenaan dengan asas konsep permakanan halal dalam Islam.</p>
<b>JABATAN PENGAJIAN ISLAM</b>				
4	Program Pembudayaan E-mel Rasmi Jabatan	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mendaftarkan akaun e-mel rasmi jabatan bagi semua pegawai, tenaga pengajar dan kakitangan jabatan</li> <li>● Meningkatkan penggunaan e-mel dalam urusan pentadbiran seperti penghantaran jemputan mesyuarat, edaran minit mesyuarat, hebahan, arahan kerja dan sebagainya</li> <li>● Menghindarkan penggunaan akaun e-mel persendirian dalam urusan dan perhubungan rasmi jabatan/sekolah</li> <li>● Memaksimalkan penggunaan kemudahan rangkaian (OGN/Broadband) yang diberikan kepada jabatan dan sekolah sepenuhnya.</li> </ul>	Program ini merupakan salah satu projek di bawah Program Transformasi Ke Arah Budaya Kerja Digital. Mula dilaksanakan pada bulan Februari 2018 secara berfasa. Tujuan utama program ini ialah untuk meningkatkan penggunaan e-mel rasmi Jabatan Pengajian Islam (@jpi.edu.bn) dan melicinkan komunikasi dalaman jabatan dan komunikasi antara jabatan dengan institusi-institusi pendidikan di bawah Jabatan Pengajian Islam, termasuk tenaga-tenaga pengajar yang bertugas di institusi-institusi pendidikan Kementerian Pendidikan, swasta dan institusi-institusi khas. Antara aktiviti yang dijalankan melibatkan pendaftaran akaun e-mel jpi.edu.bn, latihan penggunaan e-mel bagi semua pegawai, guru dan kakitangan dan pemantauan pembudayaan e-mel dalam tempoh dua tahun secara berterusan.
5	Program Kesedaran Penggunaan Aplikasi Media Sosial	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memberikan kesedaran kepada para guru dan pelajar terhadap kesan penggunaan aplikasi media sosial dan tata etika penggunaannya dengan cara selamat</li> <li>● Meningkatkan kefahaman berkaitan penggunaan media sosial dalam agama Islam</li> </ul>	Program Kesedaran Penggunaan Aplikasi Media Sosial telah mula dilaksanakan sejak bulan April 2018 di sekolah-sekolah di bawah Jabatan Pengajian Islam, khususnya di persekolahan Arab seluruh negara. Program kesedaran ini dianjurkan setelah Jabatan Pengajian Islam dilibat sama dalam menjalankan Paket Pembelajaran Media Sosial yang dihasilkan oleh pihak Berkusa Industri Teknologi-Info Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dengan sokongan Kementerian Perhubungan dan Majlis Penasihat Ke Atas Isu-isu Yang Berkait Dengan Perisian (CAC).
<b>JABATAN HAL EHWAL MASJID</b>				
6	Konvensyen Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Meningkatkan kualiti dan kredibiliti ahli jawatankuasa takmir masjid dalam pengurusan pentakmiran masjid</li> <li>● Peningkatkan penghayatan ahli jawatankuasa takmir masjid akan tugas dan tanggungjawab masing-masing</li> <li>● Berkongsi maklumat daripada pengalaman pengurusan takmir masjid-masjid dari luar negara</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Konvensyen ini berjalan selama 2 hari</li> <li>● Hari kedua – bengkel, muzakarah dan majlis penutup</li> <li>● Ahli panel terdiri daripada negara Brunei Darussalam, Singapura, Malaysia dan Indonesia</li> <li>● Peserta konvensyen terdiri daripada 700 orang ahli jawatankuasa takmir masjid dan muslimah masjid yang terpilih</li> </ul>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019**  
**DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
7	Run & Ride For Humanity "Do It For Them"	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mengumpul dana untuk disalurkan kepada sulawesi tengah yang telah dilanda bencana alam dan golongan yang memerlukan di Negara Brunei Darussalam.</li> <li>● Mengalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat</li> <li>● Mengeratkan hubungan belia masjid dengan masyarakat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Program ini ialah riadah sambil beramai iaitu aktiviti larian dan berbasikal bagi mengumpul dana yang akan disalurkan kepada sulawesi tengah yang telah dilanda bencana alam dan golongan yang memerlukan di Negara Brunei Darussalam.</li> <li>● Program ini adalah kerjasama diantara kumpulan belia masjid (Syababul Iman) Masjid Sultan Syarif Ali Kg Sengkurong dan Jabatan Hal Ehwal Masjid.</li> </ul>
8	Forum Perdana Belia Islam	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memberikan pengalaman kepada pelajar, belia, muslimah dan jemaah masjid untuk berdepan dengan masyarakat</li> <li>● Menanai konsep Negara Melayu Islam Beraja (M.I.B) antaranya pemedulian terhadap masyarakat sekeliling</li> <li>● Salah satu program keugamaan usaha bersama ahli jawatankuasa takmir Masjid Universiti Brunei Darussalam dengan masjid-masjid zon 1 Brunei Muara dan Jabatan Hal Ehwal Masjid.</li> </ul>	Program Ini Berkonsepkan 3"S" iaitu: Syiar, Salam Dan Silaturrahim
9	Projek Pembinaan Masjid Ar-Rahman Kampong Tanjung Bunut	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Meningkatkan kualiti bangunan, prasaraan dalam dan luar masjid</li> <li>● Memberikan keselesaan kepada jemaah beribadah dan melaksanakan aktiviti takmir masjid</li> <li>● Sebagai pusat perkembangan ilmu ugama bagi penduduk kampong dan kawasan sekitarnya</li> <li>● Mengalakkan ahli jawatankuasa takmir masjid untuk mengembangkan syiar islam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Projek ini adalah penaikan taraf dari surau kepada masjid</li> <li>● Projek ini menggunakan peruntukan tabung dana bagi pembinaan masjid Negara Brunei Darussalam</li> </ul>